

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 29/11/2020  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 16  
Tajuk : Koperasi Kredit Terjejas



**ABDUL FATTAH (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Kuala Sawah semalam.**

## Koperasi kredit terjejas

**SEREMBAN** – Lebih 400 perniagaan koperasi kredit di negara ini terjejas berikutan penularan pandemik Covid-19 sejak bulan Mac lalu.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ia melibatkan jumlah pengurangan kutipan pembayaran balik sebanyak kira-kira RM50 juta sebulan akibat pelaksanaan moratorium.

“Ketika ini, 400 daripada 600 koperasi kredit di negara ini telah terkesan.

“Kami sepatutnya memperoleh RM1.3 bilion sebulan. Bagaimanapun, berlaku pengurangan sebanyak 30 peratus sejak moratorium dilaksanakan

pada bulan April lalu,” katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan sumbangan menerusi Program Tanggungjawab Sosial Korporat Coopcare di Kampung Kuala Sawah, Rantau dekat sini semalam.

Angkasa menyumbangkan 70 pek makanan kepada anggota koperasi dan penduduk yang terjejas ekoran banjir yang melanda kawasan tersebut, 4 November lalu.

“Jumlah keseluruhan bernilai RM4,900 diagihkan kepada anggota Koperasi Keluarga Haji Sulaiman Berhad, Koperasi Kariah Masjid Taman Rasah Jaya Berhad dan anggota koperasi sekitar Kampung Kuala Sawah, Rantau,” katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA